

KUTKM tawar lapan program baru sarjana muda

Archival News | Berita Harian | 04/09/2003

KOLEJ Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) menawarkan lapan program baru peringkat sarjana muda pada pengambilan sesi akademik Jun 2003/2004.

Rektornya, Prof Datuk Dr Mohd Ruddin Ab Ghani, berkata program baru berkenaan membabitkan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (dua kursus), Fakulti Kejuruteraan Elektrik (dua) dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (dua), manakala satu kursus di Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer dan satu juga di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Pusat Perkhidmatan Akademik.

"Kursus baru itu adalah tambahan kepada sembilan kursus ijazah sarjana muda dan lima kursus peringkat diploma yang ditawarkan KUTKM.

"Penambahan kursus itu bertujuan mempelbagaikan kemahiran pelajar kepada pengkhususan seperti bidang reka bentuk dan inovasi, automotif, robotik dan automasi serta elektronik telekomunikasi.

"Selain itu, KUTKM merancang menawarkan beberapa program ijazah sarjana dan doktor falsafah (PhD) dalam bidang kejuruteraan. Ini termasuk kejuruteraan elektronik, mekanikal serta teknologi maklumat dan komunikasi," katanya kepada Berita Harian, baru-baru ini.

Berikutan penambahan kursus baru ini, KUTKM menjangka peningkatan pengambilan pelajar kepada 1,500 orang pada sesi kemasukan Mei 2004/2005.

Bagaimanapun, kata Dr Mohd Ruddin, penambahan itu tidak menimbulkan masalah kerana KUTKM mempunyai kemudahan pembelajaran dan tenaga pensyarah mencukupi.

Beliau berkata, pembinaan kampus tetap di Durian Tunggal, Melaka dijangka siap pertengahan tahun depan, manakala pembinaan fasa kedua bakal siap dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RM-9).

Kini, KUTKM mempunyai 1,400 pelajar yang mengikuti pelbagai bidang pengajian berbentuk hands-on atau amali.

Sehubungan itu, KUTKM mempunyai misi untuk melahirkan ahli profesional yang bersahsiah murni, kompeten dan berketerampilan melalui pendidikan teknikal bertaraf dunia.

(END) Source : Berita Harian